

PEMBENTUKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN MENERUSI PENERAPAN NILAI AMANAH BERTERASKAN ISLAM

ISLAMIC-BASED FAMILY INSTITUTION FORMATION THROUGH THE APPLICATION OF TRUST VALUE

Norullisza Khosim¹

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: norulliszakhosim@usim.edu.my)

Article history

Received date : 5-10-2023
Revised date : 6-10-2023
Accepted date : 26-11-2023
Published date : 21-12-2023

To cite this document:

Khosim, N. (2023). Pembentukan institusi kekeluargaan menerusi penerapan nilai amanah berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 245 – 255.

Abstrak: Institusi kekeluargaan merupakan salah satu institusi pendidikan yang penting dalam memastikan pembangunan seseorang insan dan masyarakat yang bertamadun. Pengabaian usaha membangunkan institusi ini akan memberi kesan yang negatif dan menyebabkan timbulnya pelbagai masalah. Terdapat pelbagai cara untuk membantu pembentukan institusi ini, antaranya ialah dengan penerapan nilai amanah dalam diri setiap individu dalam sebuah keluarga. Realitinya, nilai amanah dan nilai-nilai Islam yang lainnya merupakan asas pembentukan keluarga yang harmoni. Oleh itu, kajian ini bertujuan membincangkan nilai amanah dalam institusi kekeluargaan dan mencadangkan proses penerapan yang dilihat bersesuaian. Kajian ini menggunakan kaedah dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisisan data. Kajian ini mendapati bahawa; (i) diri sendiri, hak-hak suami, isteri, anak, dan ibu bapa adalah amanah, dan (ii) tiga proses penerapan nilai amanah ialah dengan cara; (a) faham, (b) pupuk, dan (c) sebar.

Kata Kunci: Pembangunan, Institusi Kekeluargaan, Nilai, Amanah

Abstract: Family institution is one of the important educational institutions in ensuring the development of a person and a civilized society. Neglect in developing this institution will have a negative effect and causing problems. There are various ways to help the formation of this institution, among them is the application of the value of trust in each individual of a family. In reality, the value of trust and other Islamic values are the basis of the formation of a harmonious family. Therefore, this study aims to discuss the value of trust in family institutions and formulate the outlined application process. This study uses documentation as data collection method by applying the content analysis approach as a data analysis method. The study found that; (i) oneself, husband rights', wife, child, and parents are trust, and (ii) the three processes of applying the value of trust are by; (a) understand, (b) nurture, and (c) spread out.

Keywords: Development, Family Institutions, Value, Trust

Pendahuluan

Institusi kekeluargaan merupakan nadi utama dalam pembangunan insan dan masyarakat yang bertamadun. Institusi ini juga merupakan benteng dalam menghadapi cabaran dari pelbagai sudut. Hal ini disebabkan, permulaan kehidupan seseorang insan berlaku dalam lingkungan sebuah keluarga. Menurut Zaiton Mustafa & Mohd Roslan Mohd Nor (2019), walaupun institusi ini merupakan institusi sosial yang paling kecil, namun memiliki kesan dan pengaruh yang besar dalam pembentukan masyarakat. Bahkan, kehebatan institusi ini akan membentuk masyarakat dan negara yang hebat (Nur Faezah Musthapar, Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad, 2020). Menerusi kepentingan institusi ini dalam membantu membina insan dan masyarakat yang berkualiti, Islam memberi penekanan khusus kepada pembentukan dan keharmonianya dalam mempersiap generasi akan datang.

Antara penekanan yang digariskan Islam ialah penerapan nilai-nilai kekeluargaan. Nilai-nilai kekeluargaan perlu menjadi pegangan dan dipraktikkan dalam kehidupan. Tanpa nilai-nilai ini, sesebuah institusi kekeluargaan berada dalam keadaan yang lemah dan tenat, yang seterusnya membawa kepada perpecahan. Menurut al-Sabiti (2008) nilai-nilai yang telah digariskan Islam memainkan peranan penting dalam penyatuan setiap individu dalam sesebuah keluarga dari sebarang perpecahan. Asas kesepaduan dan keharmonian ini dilihat akan membantu memperteguh pembangunan setiap individu dalam institusi pendidikan ini.

Nilai-nilai kekeluargaan dalam rangka kerja Islam adalah penting kerana galakannya bukan sahaja daripada al-Quran, bahkan sirah juga turut mempamerkan contoh terbaik dari suri tauladan Rasulullah SAW dalam pengamalan nilai-nilai tersebut. Hal ini ditekankan Sultan (1983) dengan menyatakan bahawa nilai-nilai yang diformulasikan oleh Allah SWT ini mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan sifat semula jadi insan dan bukanlah khayalan semata.

Namun kini, dilihat bahawa institusi ini berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran lebih-lebih lagi dalam era teknologi dan globalisasi. Dalam hal ini, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015) menyatakan bahawa nilai Islam semakin hari semakin kurang diamalkan. Syeikh Arifi (2009) turut menyatakan bahawa nilai-nilai Islam semakin hilang dengan melihat kepada keruntuhan akhlak dan gejala-gejala sosial berlaku. Beliau menyatakan berlakunya sebegitu adalah kesan daripada kemudahan yang semakin berleluasa dari sebelum ini, sehingga mampu mengubah kefahaman dalam konsep-konsep yang diajarkan.

Justeru, pembentukan institusi kekeluargaan perlu diperkasa dengan penerapan nilai-nilai Islam dan antaranya nilai amanah. Nilai amanah perlu difahami, dipupuk dan diterapkan dalam diri setiap individu dalam sesebuah keluarga bagi memastikan kelestarian institusi ini terpelihara dan permasalahan sosial atau kriminal dapat dibendung.

Amanah Dalam Institusi Kekeluargaan

Nilai amanah merupakan salah satu daripada nilai-nilai Islam yang disebut dalam al-Quran (Norullisza, 2011). Nilai ini penting kerana merupakan salah satu asas dalam pembentukan institusi kekeluargaan yang harmoni. Amanah merupakan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh setiap insan dan merupakan salah satu sifat mulia Rasulullah SAW. Ini kerana nilai ini mencerminkan kehidupan seseorang itu dengan dirinya dan juga digunakan dalam berurusan dengan orang lain samada sesama insan atau dengan Allah SWT.

Amanah berasal daripada perkataan arab *a-ma-na* yang bermaksud tenteram, aman, selamat dan harmoni. Aman berlawanan dengan takut dan amanah berlawanan dengan khianat (Ibn Manzur, 2003). Dari segi istilah pula, amanah bermaksud akhlak yang tetap di dalam diri yang mampu menjaga dirinya dari perkara-perkara yang bukan hak buatnya (Al-Mizani, 1992). Manakala menurut Al-Taazi Su'uud (1991), amanah didefinisikan sebagai setiap perkara yang diwajibkan ke atas insan untuk menjaganya samada wang, kerja, rahsia atau selainnya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh insan, sesungguhnya insan itu amat zalim dan amat bodoh”

(Surah Al-Ahzab:72)

Amanah yang dimaksudkan dalam ayat di atas tidaklah mencakupi sesuatu perkara tertentu tetapi meluas kepada pelbagai bidang. Al-Tabari (1999) mentafsirkan bahawa amanah yang disebut dalam ayat ini mencakupi setiap makna amanah dalam agama, malah setiap amanah yang telah ditetapkan di antara sesama insan kerana ayat ini tidak mengkhususkan sesuatu amanah. Dari sini dapat difahami bahawa, amanah yang diberikan kepada insan itu adalah dalam bentuk yang pelbagai dan tidak mengkhususkan amanah kepada harta sahaja tetapi mencangkupi agama dan sebagainya. Rasulullah SAW juga bersabda akan kepentingan amanah yang bermaksud: *“tidaklah beriman seseorang itu apabila ia tidak dapat memegang amanah, dan tidaklah beragama seseorang itu apabila tidak memegang janji”* (Riwayat Ahmad).

Berdasarkan kepada ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang disebutkan, dapat difahami bahawa amanah adalah suatu perkara besar yang amat penting untuk berpegang dengannya dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Jika dilihat kepada institusi kekeluargaan masa kini dan dalam era globalisasi, didapati bahawa institusi ini berada dalam keadaan yang membimbangkan. Perkara ini disebabkan berlakunya peningkatan kes dalam isu-isu yang membabitkan institusi ini (Abd Rashid Abdul Aziz et al, 2023). Pergaduhan antara pasangan suami isteri, pengabaian anak-anak dan anak-anak menderhakai ibu bapa semakin berleluasa sehingga membawa kepada perpecahan. Antara punca berlaku perpecahan ini adalah kerana hilangnya ruh amanah di dalam diri masing-masing dan gagalnya melaksanakan setiap amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada setiap individu dalam hidup berkeluarga.

Maka, perlu kepada setiap individu dalam institusi kekeluargaan mengambil berat akan nilai amanah di dalam pembentukan keluarga yang bahagia. Dapat diringkaskan bahawa; (a) diri sendiri, (b) hak-hak suami, (c) isteri (d) anak-anak, dan (e) ibu bapa adalah amanah yang perlu difahami nilainya dan perlu ditunaikan haknya.

Diri Sendiri

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah insan dan batu penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras dan tidak mendurhakai Allah”

terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka pula tetap melakukan segala apa yang diperintahkan”.

(Surah Al-Tahrim:9)

Ayat ini diturunkan sebagai panduan kepada isteri-isteri Rasulullah SAW bagi mengingatkan orang-orang mukmin supaya tidak lupa dalam menasihati diri dan ahli-ahli keluarga (Ibn Asyur, 1997). Ayat ini juga merupakan seruan kepada setiap insan yang beriman agar dapat menyelamatkan diri juga setiap ahli keluarga daripada kepanasan api neraka dengan meninggalkan kemaksiatan dan melakukan ketaatan (Zamakhsyari, 2008).

Amanah kepada diri sendiri dengan Allah SWT telah dinyatakan dalam ayat ini iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya seperti mendirikan solat, berpuasa dan sebagainya, juga meninggalkan segala larangan-Nya seperti meminum arak, berzina, dan selainnya.

Hak-Hak Suami

Hak-hak suami merupakan amanah yang perlu dijaga oleh isteri. Setiap hak suami yang telah digariskan Islam perlu dilaksanakan isteri kerana merupakan sebuah tanggungjawab. Hak-hak suami mempunyai kedudukan yang tinggi sehingga termasuk di antara syarat masuknya seorang wanita ke syurga seperti halnya solat dan puasa. Perkara ini telah disebutkan di dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Apabila seorang wanita itu mendirikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga kemaluannya dan taat kepada suaminya, maka akan dikatakn kepadanya (di akhirat), masuklah ke syurga dari pintu mana saja yang engku kehendaki*” (Riwayat Ahmad).

Disebutkan juga dalam hadis lain yang bermaksud: “*Mana-mana isteri yang meminta cerai dari suaminya tanpa sebarang alasan, maka ia tidak akan mencium bau wanginya syurga*” (Riwayat Tirmizi). Juga, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Tidak pantas seorang insan bersujud kepada insan yang lain, kalupun pantas akan aku perintahkan wanita untuk bersujud kepada suaminya kerana besarnya hak suami atas isterinya. Demi zat yang menguasai jiwaku, jika dari kepala seorang suami mengalir sesuatu yang najis dari nanah dan darah kemudian sang isteri menjilatinya, maka hal itu belum memenuhi haknya*” (Riwayat Ahmad).

Berdasarkan kepada hadis-hadis yang disebutkan menunjukkan kedudukan yang tinggi bagi hak-hak suami dan merupakan amanah buat isteri yang perlu dilaksanakan. Di antara hak-hak suami ialah isteri tidak menyakiti suami, tidak berpuasa sewaktu keberadaannya kecuali dengan izinnya, tidak membenarkan sesiapa masuk ke rumah kecuali dengan izinnya, bersyukur dengan suami dan mengakui kebaikannya, menjaga hartanya dan tidak menginfaqkannya kecuali dengan izinnya, tidak menolak permintaan suami untuk bersama, menjaga rahsia suami dan rumah tangga, berhias dan mencantikkan diri untuk suami, tidak bermasam muka di hadapan suami dan mentaati suaminya (Al-Rashidi, 2005).

Ketaatan isteri terhadap suami termasuklah dalam mendengar kata-kata dan menurut setiap perintah suami selama mana ianya tidak bertentangan dengan syariat. Juga, perlu bagi isteri untuk menjaga kehormatan dan memelihara kemuliaan diri serta mengurus segala harta, anak-anak dan hal-hal yang berkaitan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya: “*Maka perempuan-perempuan yang solehah itu ialah mereka yang taat (kepada Allah dan suami) dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa*

jua yang wajib dipelihara) ketika suaminya tiada bersama, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka)"

(Surah Al-Nisa':34)

Disebutkan dalam hadis akan perihal isteri sebagai pemimpin dalam rumah suaminya sebagaimana sabda Rasulullah SAW: "... dan seorang isteri adalah pemimpin di dalam rumah suaminya dan bertanggungjawab atas apa yang dipimpinnya ..." (Riwayat Bukhari).

Isteri

Dalam institusi kekeluargaan Islam, seorang suami mempunyai hak-haknya yang merupakan amanah bagi isteri melaksanakannya, begitu juga sebaliknya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya: "dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang ma'ruf".

(Surah Al-Baqarah:228)

Isteri adalah amanah Allah SWT kepada suami. Justeru, wajib bagi suami untuk menjaga dan memeliharanya dari sebarang kesulitan, menyediakan kemudahan baginya dan memastikan kehidupan yang bahagia. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Takutlah kepada Allah SWT tentang wanita (isterimu) kerana dia engkau ambil (kahwin) dengan amanah daripada Allah SWT" (Riwayat Bukhari).

Disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW yang lain yang bermaksud: "Berbuat baiklah kamu kepada wanita, kerana sesungguhnya mereka diciptakan dari tulang rusuk, dan sesungguhnya tulang rusuk yang paling lengkok adalah yang paling atas, jika engkau cuba meluruskannya, maka engkau akan mematahkaninya dan jika engkau biarkan, ia akan tetap lengkok, kerana itu berbuat baiklah kepada wanita" (Riwayat Muslim).

Hadis ini menghuraikan kepada kita akan hakikat sebenar wanita, bahkan anjuran untuk suami agar berlaku lembut, sabar, baik serta bijaksana dalam berhadapan dengan wanita (Zainul Muhibbin, 2011). Suami juga perlu sentiasa menasihati setiap kesalahan yang dilakukan dengan berhemah.

Realitinya, Islam telah meletakkan ketetapan kepada suami akan tanggungjawab dalam memimpin rumahtangga dan memenuhi hak-hak isterinya. Antara hak-hak isteri ke atas suami ialah hak mahar, hak nafkah zahir dan batin, hak didikan dan tarbiah, berlaku baik terhadap isteri, berlemah lembut dengan isteri, membantu dalam urusan rumahtangga dan sebagainya (Al-Rashidi, 2005). Oleh itu, dapatlah difahami bahawa Islam menjaga kebijakan setiap hamba-Nya termasuk isteri yang mempunyai hak-hak yang perlu dipertanggungjawabkan ke atas suami dalam melaksanakannya.

Anak-Anak

Anak-anak adalah anugerah terindah dari Allah SWT dan merupakan amanah yang diberikan kepada kedua ibu bapa. Anak-anak juga merupakan sebahagian daripada ujian Allah SWT yang diberikan kepada hamba-hambaNya. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

Maksudnya: "Sesungguhnya harta benda dan anak-anak kamu adalah ujian dan di sisi Allah SWT ada pahala yang besar".

(Surah Al-Taghabun:15)

Anak-anak memerlukan didikan, jagaan, kasih sayang, perlindungan dari ibu bapa. Sepertimana orang dewasa yang memerlukan pengisian rohani dan jasmani, begitu juga perihal anak-anak yang lebih lagi memerlukan bimbingan bagi kedua hal tersebut. Ibn ‘Uthaimin (1993) menekankan bahawa anak-anak perlu dididik menjadi anak yang soleh dengan mengambil berat aspek jasmani dan rohani, yang mana cara terbaik adalah dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Gagal dalam menyempurnakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan akan membawa kesan yang negatif, bukan sahaja kepada diri anak-anak malah kepada masyarakat keseluruhannya.

Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang bermaksud: “*Setiap anak yang lahir dilahirkan di atas fitrah, maka kedua ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi*” (Riwayat Muslim). Melalui hadis ini, dapat difahami bahawa kedua ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak, malah mereka juga yang mencorakkan sama ada anak tersebut menjadi baik atau jahat. Maka, perlu kepada ibu bapa untuk membentuk dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan anak-anak agar terbentuk akhlak yang mulia dalam diri mereka. Didikan yang diberikan kepada anak-anak bukan sahaja memberi kesan kepada mereka, malah kepada kedua ibu bapa apabila ganjaran dan balasan akan diberikan berdasarkan apa yang telah diberikan.

Kedua ibu bapa perlu mengajar anak solat, mendidiknya berpuasa, menggalakkan menuntut ilmu, mendengar, membaca dan menghafal al-Quran, memperkenalkan akhlak-akhlak mahmudah dan menerangkan bahawa setiap apa yang dimiliki adalah nikmat yang diberikan oleh Allah SWT dan merupakan amanah yang wajib dijaga. Malah, nilai amanah wajib dibangunkan dan diterapkan di dalam diri anak-anak kerana pengabaian ibu bapa dalam memahami anak-anak akan nilai tersebut membawa kesan yang buruk.

Islam amat memandang berat tentang sesuatu yang terkait rapat dengan amanah dan tanggungjawab. Setiap segalanya akan dipersoal di hadapan Allah SWT. Perkara ini jelas digambarkan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Setiap kalian adalah ra'in (orang yang diberi tanggungjawab dan amanah, dan setiap kalian akan ditanya tentang ra'iyahnya (orang yang di bawah tanggungjawab dan di bawah amanah. Seorang lelaki adalah ra'in bagi ahli keluarganya dan dia akan ditanya tentang ra'iyahnya. Wanita adalah ra'iyah terhadap ahli keluarga suaminya dan anak-anak dan dia akan ditanya tentang mereka...)*” (Riwayat Bukhari).

Daripada hadis ini, dapatlah difahami bahawa setiap amalan akan dipertanggungjawabkan dan akan disoal di akhirat kelak. Maka, perlu kepada kedua ibu bapa agar menitikberatkan didikan berteraskan Islam dalam mendidik anak-anak agar terpelihara daripada sebarang kerosakan akhlak.

Ibu bapa

Tuntutan berbuat baik kepada kedua ibu bapa adalah satu kewajipan yang perlu ditunaikan. Hak-hak ibu bapa amatlah besar dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT sehingga digandingkan di dalam perintah ketaatan kepadaNya dengan berbuat ihsan kepada keduanya, malah dengan bersyukur kepada keduanya digandingkan dengan bersyukur kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “*Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah SWT dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa...* ”.

(Surah Al-Nisa’: 36)

Maksudnya: “*Dan Kami wajibkan insan berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kepayahan demi kepayahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh mnceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah) kepada Akulah juga tempat kembali*”.

(Surah Luqman:14)

Juga, antara pentingnya keredhaan ibu bapa adalah kerana terletaknya di situ keredhaan Allah SWT. Disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Redha Allah terdapat pada redha kedua ibu bapa dan murka Allah terletak pada murka kedua ibu bapa*” (Riwayat Tirmizi). Maka, wajib untuk anak-anak sentiasa berbuat baik kepada keduanya dan menurut segala perintah mereka selagi mana tidak bertentangan dengan perintah Allah SWT, kerana menderhakai mereka merupakan salah satu di antara dosa-dosa besar. Dirakamkan dalam al-Quran bahawa anak-anak dilarang melakukan kekerasan terhadap kedua ibu bapa walaupun hanya dengan perkataan ‘ah’ sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “*...Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali sampat kepada umur tua (dalam jagaan dan peliharaanmu), maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan ‘ah’, dan janganlah engkau menengkin menerang mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)*”.

(Surah Al-Israa:23)

Islam memandang berat hubungan anak dengan kedua ibu bapa kerana merujuk kepada segala kesusahan dan kepayahan dalam mengandung, melahir, membesar, memelihara dan mendidik anak-anak. Pengorbanan yang dilakukan bukan sahaja dari sudut masa, malah tenaga, harta dan perasaan. Pengorbanan yang dilakukan amat besar, lebih lagi seorang ibu sehingga Islam mengangkat darjatnya sepertimana yang disebut di dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, siapakah orang yang paling patut untuk aku berbuat baik? Rasulullah SAW menjawab: ibumu, kemudian aku bertanya lagi siapa? Rasulullah SAW menjawab: ibumu, kemudian aku bertanya lagi siapa? Rasulullah SAW menjawab: bapamu, kemudian orang yang paling hampir denganmu dan seterusnya*” (Riwayat Tirmizi).


Kesimpulannya, perlu difahami oleh setiap individu dalam sesebuah institusi kekeluargaan bahawa setiap dari mereka mempunyai tanggungjawab yang perlu dipikul dan merupakan amanah yang perlu dijaga. Diri sendiri adalah amanah, hak-hak suami amanah buat isteri, isteri amanah buat suami, anak-anak adalah amanah buat kedua ibu bapa, dan ibu bapa amanah buat anak-anak. Setiap satu dari amanah ini perlu difahami akan hak-haknya. Maka, nilai amanah perlu dilazimi dalam kehidupan berkeluarga kerana merupakan asas pembentukan institusi yang harmoni, malah merupakan salah satu sifat para nabi sehingga Rasulullah SAW digelar dengan gelaran ‘*Al-Amin*’. Mengingkari amanah yang diberi akan menyebabkan seseorang itu tergolong dalam kalangan orang-orang munafik.

Dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Tanda-tanda orang munafik itu tiga: iaitu apabila bercakap ia berbohong, apabila berjanji ia mungkiri, apabila diberi amanah ia khianati*” (Riwayat Muslim). Takutlah kepada Allah SWT daripada sifat munafik ini, kerana telah dijanjikan Allah SWT bahawa bagi orang-orang munafik itu tempatnya adalah di tingkat paling bawah di dalam nerakaNya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkaan pada tingkatan yang paling bawah (dari lapisan-lapisan) neraka, dan engkau sesekali tidak akan mendapat sesiapapun yang boleh membantu mereka*”.

(Surah Al-Nisa':145)

Kesemua amanah dalam sesebuah institusi kekeluargaan dapat difahami sebagaimana Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Amanah dalam Institusi Kekeluargaan

Proses Penerapan Nilai Amanah

Pembangunan yang dijalankan dalam setiap kehidupan perlu berlandaskan kepada pembangunan berteraskan Islam dan tidak mengagungkan apa yang diajar oleh Barat. Pembangunan nilai amanah dan nilai-nilai kekeluargaan selainnya perlu diperkuuhkan kerana berperanan utama dalam mengekal keutuhan ikatan antara individu dalam institusi tersebut. Tanpa pembangunan nilai-nilai kekeluargaan dalam institusi ini dan pengabaian praktikal dalam kehidupan berkeluarga menyumbang kepada permasalahan yang berlaku (Al-Shafi'i, 1989).

Proses pembangunan ini tidak akan mencapai titik kejayaan jika dilakukan oleh sebilangan individu dalam sesebuah keluarga, malah perlu kepada penghayatan setiap individu. Konsep pembangunan nilai-nilai kekeluargaan dalam institusi ini perlu berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah. Antara konsep yang perlu diberi penekanan dalam pembentukan institusi ini adalah seperti berikut:



Rajah 2: Proses Penerapan Nilai Amanah

i. **Faham Nilai Amanah**

- Nilai-nilai kekeluargaan berperanan penting dalam memastikan kelestarian institusi berkeluarga. Perkara ini dapat dilihat kepada peranan besar nilai-nilai ini dalam membantu mengawal segala tindak-tanduk perlakuan terhadap orang lain (Tahtawi, 1996). Malah, dengannya mampu mengekalkan keharmonian hidup berkeluarga dengan membentuk watak muslim yang seimbang dan membantu dalam menjauhi sebarang konflik, perpecahan dan pertelingkahan dalam kehidupan (Al-Thabiti, 2017). Nilai-nilai ini juga mampu membentuk satu peribadi dan tingkah laku luar sedar secara positif, dan dianggap sebagai elemen penting dalam penggabungan suatu bahagian dengan bahagian yang lain (Ghayth, 1995). Bahkan berperanan dalam memastikan keseimbangan dan kestabilan kehidupan sosial (Al-Shafi'i, 1989).

Dengan ini, setiap individu dalam institusi kekeluargaan perlu memahami dan mempercayai dengan sebaik-baik kefahaman bagi proses pembangunan yang dijalankan. Ini kerana, tanpa kefahaman dan kepercayaan yang gitu, proses tersebut tidak akan berjaya dan pasti akan timbul permasalahan di dalam perlaksanaan tersebut.

ii. **Pupuk Dalam Kehidupan Berkeluarga**

- Dalam pembentukan institusi kekeluargaan, mengamalkan nilai amanah khususnya dan nilai-nilai kekeluargaan amnya merupakan proses yang penting bagi mengekalkan kesejahteraan. Nilai-nilai ini perlu ditanam, diasuh dan dibentuk dalam diri (Ahmad Firdaus, 2017). Hilangnya nilai-nilai murni akan membawa kepada kerosakan dan kebinasaan serta menyebabkan pelbagai masalah sosial (Abu Rumman, 2017). Bennabi (1998) juga menjelaskan bahawa punca sebenar kepada kemusnahan sesebuah masyarakat kerana keruntuhan nilai akhlak yang mana melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat.

Maka, kepentingan mengamalkan setiap nilai-nilai kekeluargaan perlu dipertingkatkan dan dilazimi di dalam kehidupan berkeluarga, kerana tanpa amalan tersebut pastinya pembentukan sesebuah keluarga yang harmoni tidak akan berjaya. Kekurangan penghayatan nilai-nilai ini juga akan membawa kepada berlakunya permasalahan (Wan Asrul Asmi, 2008) yang akhirnya membawa kepada keruntuhan dan perpecahan institusi kekeluargaan.

iii. Sebar Kepada Orang Lain

- Proses penerapan nilai tidak akan berjaya dengan hanya dipegang dan diamalkan secara bersendirian, malah perlu dilakukan dan dilaksanakan oleh setiap individu. Tidak mencukupi dengan hanya diamalkan oleh sesebuah keluarga tanpa kerjasama daripada pihak lain kerana memerlukan kerjasama dari setiap pihak. Perkara ini ditekankan oleh Abd Rashid Abdul Aziz et al (2023), dengan menyatakan bahawa kebersamaan merupakan salah satu konsep dalam mengatasi dan membantu daripada berlakunya sebarang masalah dan konflik. Nilai amanah dan nilai-nilai kekeluargaan keseluruhannya perlu disebarluaskan dan diperluaskan di setiap komponen kerana proses pembentukan sesebuah negara dan masyarakat yang bertamadun merangkumi segenap komponen.

Disebutkan dalam al-Quran akan peri penting nilai kerjasama dalam setiap amalan kebaikan dan ketakwaan sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “... *dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan, dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Berat azab sekseNya*”. (Al-Quran. Surah Al-Maidah:2)

Maka, dapat difahami bahawa tanggungjawab penyebaran nilai-nilai kekeluargaan bukan hanya terletak kepada ibu bapa, atau sesebuah keluarga tetapi tanggungjawab menjaga dan menyebarkannya adalah tanggungjawab dan kewajipan insan secara am seperti hakim, para ulama' khususnya ulama' syariah yang mana menggalas tanggungjawab yang amat besar dalam mendidik generasi berakhhlak (Abu Rumman, 2017).

Penutup

Pembentukan institusi kekeluargaan perlu dilaksanakan berteraskan Islam bagi mencapai matlamat kehidupan berkeluarga yang harmoni. Hakikatnya, nilai amanah dan nilai-nilai kekeluargaan keseluruhannya merupakan undang-undang dan peraturan Allah SWT yang telah digariskan bagi membantu pembentukan institusi kekeluargaan. Diri sendiri, hak-hak suami, isteri, anak, dan ibu bapa adalah amanah yang telah dipertanggungjawabkan bagi setiap individu dalam hidup berkeluarga. Pembentukan institusi yang utuh dan harmoni dapat dilakukan dengan proses penerapan nilai amanah adalah melalui; (a) faham, (b) pupuk, dan (c) sebar.

Rujukan

- Abd Rashid Abdul Aziz et al. (2023). Kerangka Konsep Keluarga Malaysia dalam Mencapai Kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 8(1). e002196.
- Abdul Bari Al-Sabiti. (2011). *Ahammiyah Al-Qiyam fi Bina' Al-Afrad wa Al-Umam*. [internet]. Medina. <http://www.assakina.com/khotob/6503.html> [Diakses pada: 20 Ogos 2023].
- Abdul Rahman Hasan Hanbakah Al-Mizani. (1992). *Al-Akhlaq Al-Islamiyyah wa Ususuhuha*. Dar Al-Qalam: Damascus.
- Abdul Wahhab Al-Taazi Sauud. (1991). *Al-Akhlaq Al-Islamiyyah*. Syarikat Babil li Al-Tiba'ah wa Al-Nasyr wa Al-Tauzi': Rabat.
- Abu Jaafar Muhammad bin Jarir Al-Tabari. (1999). *Jami' Al-Bayan fi Takwil Al-Quran*. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah: Beirut.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor. (2017). Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik: Satu Kajian Kes. Tesis PhD. Universiti Teknologi Mara: Malaysia.
- Al-'Arifi. 2009. *Al-'Arifi Yunaqisy Qimah Al-'Iffah Ma'a Syabab Harrasah Al-Qiyam*. [internet]. Mecca. <http://www.4sbab.com> [Diakses pada: 20 Ogos 2023].
- Hilmi bin Muhammad bin Ismail Al-Rashidi. (2005). *Al-Adillah Al-Sunniyyah Fi Ahkan Al-Zawaj Wal Al-'Isyrah Al-Zaujiyah*. Dar Al-Akidah: Cairo.
- Ibrahim Muhammad Al-Shafi'i. (1989). *Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah Wa Turuq Tadrishiha*. Maktabah Al-Fath: Cairo.
- Jamaluddin Muhammad bin Mukram Ibn Manzur. (2003). *Lisan Al-Arab*. Dar Al-Hadith: Cairo.
- Mahmud bin Umar Al-Zamakhsyari. (2008). *Al-Kasyasyaf. Dar Al-Kitan Al-Arabi*: Beirut.
- Malek Bennabi. (1998). On The Origins Of Human Society. Terj: Mohamed Tahir El-Mesawi. The Open Press: Kuala Lumpur.
- Muhammad 'Atif Ghayth. (1995). *Ilmu Al-Ijtima': Al-Nazoriyah wa Al-Manhaj wa Al-Maudu'*. Dar Al-Marifah Al-Jami'iyyah: Cairo.
- Muhammad Abu Rumman. *Baina Hakimiyyatullah Wa Salatooh Al-Ummah*. <http://www.wasetya.net> [Diakses pada: 20 Ogos 2023].
- Muhammad Al-Tohir Ibn Asyur. (1997) *Tafsir Al-Tahrir wa Al-Tanwir*. Dar Sihnum li Al-Nasyr wa Al-Tauzi': Tunisia.
- Norullisza Khosim. (2011). *Qiyam Al-Usrah di Al-Quran Al-Karim*. Tesis Sarjana. Universiti Al Al-Bayt. Fakulti Syariah: Jordan.
- Nur Faezah Musthapar, Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad. (2020). Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. Jurnal Syariah. Vol. 28(1). 81-104.
- Syed Ahmad Tahtawi. (1996). *Al-Qiyam Al-Tarbawiyah fi Al-Qosos al-Qurani*. Dar Al-Fikr Al-Arabi: Cairo.
- Wan Asrul Asmi Wan Ishak. (2008). Penghayatan Nilai-Nilai Murni Sebagai Satu Pendekatan Dalam Mengatasi Masalah Sosial Pelajar. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn: Malaysia.
- Zainul Muhibbin. (2011). Wanita Dalam Islam. Jurnal Sosial Humaniora, Vol. 4(2).
- Zaiton Mustafa & Mohd Roslan Mohd Nor. (2019). Peranan Keluarga Muslim dalam Membina Masyarakat Sejahtera: Satu Sorotan Awal Terhadap Pemikiran Kekeluargaan Ibn Sina (980M-1037M). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*. Vol. 20(3). 89-96.